

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah polisi yang akan digunakan untuk menyelamatkan IPTS pasca COVID-19. Apakah status usaha sama Kementerian dengan pihak industri dan business chambers negara-negara luar berhubung Pendidikan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa perihatin kepada permasalahan yang dihadapi oleh IPTS terutamanya yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Selaras dengan itu, pada 4 Mei 2020 KPT telah membentangkan kertas bertajuk "*Private Higher Education Institutions (PHEIs): Mitigating the Impact of COVID-19 & Inherent Challenges for National Economic Recovery*" kepada *Economic Action Council (EAC)*. Susulan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mei 2020 telah bersetuju untuk mengiktiraf pendidikan tinggi swasta sebagai satu industri pertumbuhan ekonomi strategik. Justeru, KPT telah menubuhkan satu *National Level Taskforce* iaitu Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS) bagi mengkaji dan meneliti permasalahan serta kekangan yang dihadapi oleh IPTS. Untuk tujuan ini, Kementerian turut menubuhkan empat (4) Jawatankuasa Kerja atau *Technical Working Group (TWG)* yang berperanan untuk membantu PEMUDAH IPTS.

Selain itu, bagi menjana pendapatan kepada IPTS, satu program jangka pendek yang dinamakan Program Penjana KPT-CAP IPTS telah dilaksanakan. Sebanyak 89 program telah diluluskan kepada 16 IPTS. Diharapkan melalui program ini, IPTS boleh menjana pendapatan sebagai pengendali latihan kepada program berkenaan, disamping memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang terlibat.

Bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat berkenaan penglibatan pihak industri berhubung Pendidikan TVET, pihak Kementerian melalui JPPKK sentiasa bekerjasama dengan pihak industri terutamanya dari sudut pembangunan kurikulum bagi memastikan kualiti graduan bidang TVET sentiasa menepati keperluan industri. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah melalui platform Majlis TVET Negara dan Majlis Penasihat Industri yang berperanan memberi pandangan dan berkongsi maklumat berkenaan fokus semasa industri di peringkat nasional dan global. Selain itu, industri turut dilibatkan melalui pelaksanaan *Structured Internship Programme (SIP)*, pendekatan

pembelajaran industry-led training seperti Work-Based Learning, 2u2i dan program perantisan yang menempatkan pelajar di industri sebelum mereka bergraduat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Ogos 2021, pihak JPPKK telah menjalinkan kerjasama berimpak tinggi dengan lebih 177 industri dan agensi seperti MDEC; Maybank; SIRIM; MyIPO; MIDA; JAKIM; Panasonic Sdn. Bhd; Top Glove Sdn Bhd; dan lain-lain. Kerjasama ini melibatkan pelaksanaan Program CEO@PolyCC; Certificate of Collaboration; Jawatankuasa Penasihat Industri; *Industry on Campus* (IoC); penajaan latihan tambahan; penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan; latihan industri berstruktur; sumbangan atau perkongsian peralatan; dan penempatan pekerjaan.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri dan *business chambers* negara-negara luar untuk mendapatkan *best practices* dalam meningkatkan pendidikan TVET. Di antara wakil dewan perdagangan dan industri luar yang terlibat adalah *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry* (MFCCI); *Malaysian German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC); *British Malaysian Chamber of Commerce* (BMCC); dan *Trade Commissioner, High Commission of Canada to Malaysia*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 5 OKTOBER 2021

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meneruskan dengan pendidikan dalam talian (PdPR) di semua sekolah-sekolah di Malaysia dan sejauh mana pendidikan dalam talian telah pun dilaksanakan semasa wabak COVID-19 dan keberkesanannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilaksanakan mengikut kesesuaian guru dan murid. Pihak sekolah dan guru mengatur strategi untuk memastikan PdPR dilaksanakan secara optimum berdasarkan pertimbangan tiga prinsip asas iaitu tiada murid tercicir dalam pembelajaran, keperluan asas pembelajaran dipenuhi dan kesejahteraan murid diutamakan.

Bagi memperkasakan pelaksanaan PdPR dalam talian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah lebih banyak bahan PdP melalui pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Pelantar ini merupakan pusat rujukan sehenti yang menyediakan pelbagai aplikasi, perkhidmatan dan sumber pendidikan digital seperti buku teks digital, video pendidikan, kuiz dan permainan pendidikan bagi tujuan PdP yang boleh digunakan oleh guru, murid dan ibu bapa. Sehingga September 2021, KPM telah menyediakan 3,245 video kurikulum, 324 video pedagogi dan 1,761 video DidikTV KPM. Selain itu, sebanyak 631 buah buku teks digital telah dimuat naik berbanding 485 buah pada bulan Oktober 2020.

Mulai Ogos 2021, KPM juga telah menaik taraf dan menambah baik pelantar DELIMa dengan fitur baharu (DELIMa 2.0) bagi meningkatkan pengalaman pengguna, analitis data, kandungan dan pembelajaran diperibadikan. Semua kemudahan yang disediakan dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan memperluaskan peluang murid untuk belajar, meningkatkan motivasi dan prestasi bagi membangunkan potensi serta bakat mereka secara menyeluruh. Murid

juga berupaya melaksanakan pembelajaran aktif secara sendiri melalui akses kandungan pembelajaran dalam pelbagai format yang disediakan.

Pelantar DELIMa telah mencapai tahap penerimaan yang tinggi daripada guru dan murid. Berdasarkan data pada Ogos 2021, seramai 354,445 guru dan 2.25 juta murid menggunakan pelantar DELIMa secara aktif bagi tujuan PdP dalam talian. Ini merupakan satu peningkatan yang amat memberangsangkan jika dibandingkan dengan penggunaan pada bulan Ogos 2020 iaitu hanya seramai 143,855 guru dan 587,198 murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memperkasa program latihan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) kepada guru. Ini termasuklah latihan yang memberi fokus kepada kemahiran digital, pedagogi dalam dan luar talian serta pentaksiran secara dalam talian dan luar talian. Sehingga 17 September 2021, sebanyak 12,048 aktiviti PPB berkaitan PdPR dan 1,949 PPB berkaitan digital/ICT telah direkodkan.

Bagi meningkatkan keberkesanan PdP dalam talian, KPM turut mengambil langkah melaksanakan khidmat bantu pengintegrasian teknologi pendidikan kepada guru secara berterusan melalui aktiviti e-kelas, webinar dan tutorial berkaitan dengan kaedah dan pendekatan penggunaan teknologi digital dalam penyampaian PdP yang berkesan. KPM juga memberikan insentif kepada guru-guru yang aktif menggunakan teknologi digital dalam PdP melalui pemberian baucar percuma untuk mengikuti pensijilan *DELIMa Certified Training Programme* (DCTP). Selain itu, pengiktirafan kepada guru turut diberikan melalui program seperti *Microsoft Innovative Educator* (MIE), *Microsoft Office Specialist Certification* (MOS) dan *Apple Teacher Leader*.

Selain itu, terdapat peningkatan pelibatan murid dalam aktiviti pertandingan yang melibatkan penghasilan teknologi termasuklah *Minecraft*, *Digital Story Telling Animation*, *Drone Edu Challenge 4IR*, *Hackathon* dan Video Kreatif Keselamatan Siber. Secara umumnya bilangan murid yang menyertai semua aktiviti penghasilan teknologi telah meningkat sebanyak 362 peratus (6,224 murid pada tahun 2020 meningkat kepada 22,514 murid pada tahun 2021). Melalui aktiviti sebegini, murid dapat meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi

secara bersepadu, kreatif dan inovatif di samping kemahiran menyelesaikan masalah berdasarkan dunia sebenar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memantau keberkesanan PdPR pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian. Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbing murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugas yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugas dengan pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*.

Secara keseluruhannya, tinjauan ini menunjukkan bahawa guru telah berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR. Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PdPR berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan pada peringkat awal. Namun, intervensi yang dilaksanakan oleh KPM telah membantu murid mengikuti PdPR dengan lebih baik. KPM sentiasa komited untuk memastikan murid dapat meneruskan pembelajaran dalam keadaan yang selamat dan mendapat akses kepada pembelajaran yang berkualiti pada setiap masa. KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti PdPR secara lebih berkesan.